

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – KEMALANGAN DIRI (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Liberty Tenang . (Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).	Our Ref: Financial Service Provider: Liberty General Insurance Berhad Name of Product: Liberty Tenang Date : 31/10/2025
--	---

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut **Perenggan 5 daripada Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya **untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Produk ini ialah polisi kemalangan peribadi individu yang menyediakan perlindungan 24 jam di seluruh dunia untuk kecederaan badan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh peristiwa ganas, tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat. Faedah ini juga termasuk perbelanjaan perubatan, bayaran ambulans, elaun hospital harian, elaun Perkabungan dan perbelanjaan pengembumian.

2. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

No.	Jadual Faedah	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
1.	Kematian Akibat Kemalangan	18,000	30,000	45,000	60,000
2.	Kecacatan Kekal	18,000	30,000	45,000	60,000
3.	Indemniti Berganda akibat Kemalangan Pengangkutan Awam	18,000	30,000	45,000	60,000
4.	Pendapatan Hospital Harian akibat Kemalangan (Sehingga 90 hari)	50	80	150	200
5.	Perbelanjaan Perubatan (maksimum 3 tuntutan setahun) (sehingga)	200	300	400	500
6.	Perubatan Alternatif (maksimum 3 tuntutan setahun) (sehingga)	-	50	50	100
7.	Pembetulan dan/ atau Pembedahan Pergigian	-	650	750	950
8.	Faedah Prostesis dan/ atau Kerusi Roda	-	650	750	950
9.	Perkhidmatan Ambulan	200	300	500	600
10.	Elaun Perkabungan akibat Penyakit Bawaan Vektor	12,500	16,000	23,000	36,500
11.	Perbelanjaan Pengembumian akibat Kemalangan atau Penyakit Bawaan Vektor	2,000	2,450	3,000	4,500

Peratusan Jumlah Diinsuranskan untuk Kematian atau Hilang Upaya Kekal:

Jadual Skala Faedah	Peratus Jumlah Pokok Diinsuranskan
Kematian akibat Kemalangan (berlaku dalam dua belas (12) bulan kalendar dari Tarikh Kemalangan)	100%
Hilang Upaya Kekal (berlaku dalam dua belas (12) bulan kalendar dari Tarikh Kemalangan)	
Kehilangan dua Limbah	100%
Kehilangan kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua ibu jari	100%
Kehilangan Tangan di pergelangan tangan	100%
Mana-mana bahagian kaki kecuali jari kaki	100%
Kelumpuhan total dari leher ke bawah	100%
Kehilangan lengan	
- di bahu	100%
- antara bahu dan siku	100%
- pada siku	100%
- antara siku dan pergelangan tangan	100%
Mata : Kehilangan	
- keseluruhan mata	100%
- penglihatan satu atau kedua belah mata	100%
Lumpuh keseluruhan	100%
kecederaan mengakibatkan terbaring secara kekal	100%
Lensa mata	50%
Hilang empat jari dan ibu jari di sebelah tangan	50%
Hilang empat (4) jari	40%
Hilang Ibu Jari	
- Kedua dua ruas	30%
- Satu ruas	15%

Jadual Skala Faedah		Peratus Jumlah Pokok Diinsuranskan
Hilang Jari Telunjuk	- 3 ruas	15%
	- 2 ruas	10%
	- 1 ruas	5%
Hilang Jari Hantu	- 3 ruas	8%
	- 2 ruas	5%
	- 1 ruas	3%
Hilang Jari Manis	- 3 ruas	6%
	- 2 ruas	5%
	- 1 ruas	3%
Hilang Jari Kelengkeng	- 3 ruas	5%
	- 2 ruas	4%
	- 1 ruas	3%
Hilang metakarpal	- Pertama dan kedua (setiap)	3%
	- Ketiga, keempat atau kelima (setiap)	2%
Hilang Jari Kaki	- kesemua	15%
	- kedua dua ruas jari besar	5%
	- satu ruas, jari besar	2%
	- selain jari besar, setiap satu jari	1%
Hilang pendengaran	- kedua belah telinga	75%
	- sebelah telinga	15%
Hilang pertuturan		50%
Koma		100%
Kehilangan		100%

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Liberty Tenang	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)
Premium Tahunan (Tidak termasuk Duti Setem)	30	50	75	100

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	15%
Cukai Perkhidmatan	Tiada
Duti Setem	RM10.00

Nota Penting:

- Duti setem untuk premium tahunan tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2025. Walaubagaimanapun RM10 duti setem akan dikenakan mulai 1/1/2026.
- Cukai Perkhidmatan dikecualikan untuk Produk Liberty Tenang.

5. Apakah sebahagian terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Sebahagian terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian adalah:

- Tanggungjawab untuk memberi maklumat** – Anda perlu memberi kesemua maklumat serta fakta-fakta seperti pekerjaan dan matlamat peribadi anda, yang akan menjejaskan profil risiko serta bilangan polisi kemalangan diri yang telah dibeli daripada syarikat insurans yang lain.
- Tempoh Semakan Percuma**- anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan polisi dalam masa 15 hari selepas anda menerima polisi. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung) akan dikembalikan kepada anda.
- Tempoh Penangguhan** – Premium yang dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Liberty General dalam tempoh 30 hari dari tarikh premium di bayar.
Secara automatik insurans akan terbatal dan tidak sah jika syarat ini
- Notis Tuntutan** - semua tuntutan mesti dimaklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh kehilangan atau secepat mungkin apabila keadaan mengizinkan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk mendapatkan senarai penuh terma & syarat bagi polisi tersebut.

6. Bagaimana cara untuk membuat tuntutan?

Untuk mendapatkan bantuan mengenai penyerahan tuntutan, anda boleh menghubungi pegawai khidmat pelanggan kami di 1 800 88 6333 untuk mendapatkan bantuan lebih lanjut. Anda juga boleh melayari laman web kami www.amassurance.com.my untuk maklumat lebih lanjut.

7. Siapakah yang layak?

Semua penduduk di Malaysia berusia lapan belas (18) tahun ke atas sehingga enam puluh (60) tahun sahaja (pembaharuan hingga enam puluh lima (65) tahun).

8. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan terhadap:

- Kecederaan atau penyakit yang sedia ada;
- Sukan Berisiko Tinggi.
- Bunuh Diri dan kecederaan yang disengajakan;
- Serangan pembunuhan yang diprovokasi;
- Kehamilan atau Kelahiran anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan;
- Penyakit akibat pandemik;
- AIDS;
- Melakukan atau cuba melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- Risiko Perperangan.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi tersebut).

9. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimana caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan:

- a) Menulis melalui surat kepada Cawangan Liberty General atau emel kepada customer@amassurance.com.my
- b) Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1 800 88 6333
- c) Lawati Cawangan Liberty General kami yang berdekatan
- d) Hubungi Ejen Perkhidmatan anda

Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan tempoh insurans yang belum tamat. Walau bagaimanapun, jika anda ingin membatalkan polisi dalam tempoh 15 hari dalam Tempoh Semakan Percuma, kami akan membayar balik keseluruhan premium yang anda sudah bayar.

Peratusan bayaran balik premium berikut akan dikenakan:

Tempoh Insurans	Peratusan Bayaran Balik Premium
Dalam masa 15 hari - Tempoh Semakan Percuma	100%
Tidak melebihi satu bulan kalendar	75%
Melebihi 1 bulan tetapi sehingga 3 bulan	50%
Melebihi 3 bulan tetapi sehingga 6 bulan	25%
Melebihi 6 bulan tetapi sehingga 9 bulan	10%
Melebihi 9 months	0%

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi saya?

Adalah penting untuk memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada profil anda, termasuk pekerjaan serta maklumat peribadi anda, yang mungkin akan menjejaskan profil risiko.

11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada naskhah insuraninfo di bahagian "Insurans Kemalangan Diri" yang boleh didapati di semua pejabat cawangan kami. Selain daripada itu, anda juga boleh mendapatkan Salinan naskhah tersebut daripada agen insurans.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi kami:

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan

Liberty General Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

No. Tel. : 03-2268 3333 or 1 800 88 6333

Emel : customer@amassurance.com.my

Laman Web : www.amassurance.com.my

12. Pilihan perlindungan kemalangan diri lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:-

- Kemalangan Diri AmPro
- AmPro Personal Accident Plus
- AmStyle Guard

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 31/10/2025 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.